



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JALAN RUNTUH DI JALAN BUKIT JUGRA SELANGOR

KUALA LUMPUR – Susulan kejadian jalan runtuh di Jalan Bukit Jugra yang merupakan Jalan Negeri di Daerah Kuala Langat, Selangor pada 16 Oktober 2023, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui agensinya iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil tindakan awalan dengan menutup jalan menaiki ke Bukit Jugra.

Penyediaan papan tanda amaran dan plan pengurusan trafik telah diaktifkan bagi mengawal keselamatan pengguna jalan raya. Bagi mengelakkan kerosakan dan hakisan tanah menjadi lebih teruk, pihak JKR juga telah memasang kanvas di lokasi yang terjejas.

Bagi tindakan jangka masa panjang, JKR Daerah Kuala Langat telah meminta pandangan dan khidmat nasihat Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) JKR Malaysia untuk aspek pembaikan cerun dan seterusnya melaksanakan kerja pembaikan cerun.

Tindakan segera dan kerja pembaikan ini perlu dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak, kerajaan pusat dan kerajaan negeri demi keselamatan dan keselesaan pemanduan pengguna jalan raya. Ini selaras dengan Kempen MYJalan KKR yang berhasrat agar semua pihak bersama-sama menjaga, menyenggara, membaikpulih jalan raya ini kerana akhirnya semua golongan rakyat bakal memperolehi manfaatnya.

Saya juga ingin menasihatkan kepada semua pengguna untuk berhati-hati sewaktu memandu di kawasan bercerun kerana seperti kita sedia maklum, negara kita sedang berada dalam tempoh peralihan monsun. Kemalangan dapat dielakkan dengan sentiasa berwaspada terhadap papan tanda amaran, selain cakna dengan hebahan kejadian bencana di saluran media sosial rasmi Kementerian dan agensi.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
18 OKTOBER 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur